

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

RGW 222 - Faktor-Faktor Kemanusiaan

Tarikh: 3 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'salingtindak manusia - mesin' (man-machine interface)? Berikan contoh-contoh untuk menerangkannya.

Bagaimanakah seorang pereka merekakan sebuah tatatur kerja (workplace layout) dengan menggunakan prinsip-prinsip Faktor-faktor Kemanusiaan?

Dengan menggunakan contoh "rekabentuk dapur", terangkan langkah-langkah yang mesti diikuti untuk mencapai sebuah rekaan yang sesuai.

( 20 markah )

2. Huraikan perbezaan di antara khayalan dan perspektif.

Bincangkan dengan jelas, dengan memberikan contoh-contoh, bagaimana khayalan dan warna boleh digunakan untuk mengubah saiz bilik.

( 20 markah )

. . . 2/-

3. Apakah kesan bunyi bising ke atas manusia? Bincangkan kriteria atau indeks yang digunakan untuk tiap-tiap satu kesan.

Senaraikan kaedah-kaedah untuk mengawal pencemaran bunyi bising.

( 20 markah )

4. Tulis nota-nota ringkas tentang perkara-perkara berikut:

- (a) Persepsi ruang.
- (b) Kilauan, kesan stroboskopi dan bayang.
- (c) Sistem Warna Munsell.
- (d) Anthropometrik di dalam Rekabentuk.

( 20 markah )

5. Apakah Skala Selesa Haba? Apakah faktor-faktor yang menjadikan Keselesaan Haba?

Bincangkan bagaimana anda menilaikan keselesaan haba di dalam bangunan.

( 20 markah )

6. Huraikan luminous flux, iluminans, luminans dan faktor pemantulan. Bagaimanakah setiap perkara di atas boleh disukat?

Di dalam rekaan cahaya yang baik untuk sesuatu tempat kerja, bincangkan prinsip-prinsip yang perlu dipertimbangkan.

( 20 markah )